

**UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA**  
**PEJABAT BENDAHARI**

---

UTHM/PB/100-6/4Jld 3 (11)

Tarikh: 14 Februari 2019

**SURAT PEKELILING BENDAHARI BIL.1/2019**

Semua Pengurus Bahagian  
**Universiti Tun Hussein Onn Malaysia**

Y.Bhg.Prof/Tuan/Puan,

**MENERIMAPAKAI PERKHIDMATAN *E-HAILING* SEBAGAI PENGANGKUTAN AWAM**

**1.0 TUJUAN**

Surat Pekeliling ini bertujuan memaklumkan mengenai perkhidmatan *E-Hailing* sebagai pengangkutan awam tambahan selain pengangkutan awam sedia ada untuk staf Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) yang menjalankan tugas rasmi atau menghadiri kursus.

**2.0 LATARBELAKANG**

- 2.1 Pejabat Bendahari melalui Pekeliling Bendahari Bil 1/2016 telah mengeluarkan penetapan berkenaan Kadar Dan Syarat Tuntutan Elaun, Kemudahan Dan Bayaran Kepada Staf UTHM Kerana Menjalankan Tugas Rasmi Atau Kursus Di Dalam Dan Luar Negara.
- 2.2 Pada masa ini, staf yang menjalankan tugas menjalankan tugas rasmi atau menghadiri kursus sama ada di dalam atau di luar Ibu Pejabatnya dan tidak menggunakan kenderaan sendiri atau kenderaan yang disediakan oleh jabatan adalah layak menuntut Tambang Pengangkutan Awam seperti teksi/ kereta sewa/ bas/ motobot atau jenis pengangkutan lain dalam kategori ini. Tuntutan

yang dibenarkan adalah kadar tambang lazim bagi sesuatu perjalanan dan disokong dengan resit sekiranya ada resit dikeluarkan.

- 2.3 Kementerian Kewangan Malaysia telah mengeluarkan surat edaran bertarikh 17 Ogos 2018 berkenaan penggunaan perkhidmatan *e-hailing* sebagai pengangkutan awam oleh pegawai Perkhidmatan Awam yang menjalankan tugas rasmi atau menghadiri kursus adalah sah di sisi undang-undang dan melayakkan mereka untuk membuat tuntutan Tambang Pengangkutan Awam mulai tarikh kuatkuasa akta tersebut.
- 2.4 Berdasarkan kepada Akta Pengangkutan Darat (Pindaan) 2017 dan Akta Lembaga Perlesenan Kenderaan Perdagangan (Pindaan 2017 yang telah mula berkuatkuasa pada 12 Julai 2018 “*Kenderaan E-Hailing*” ertinya suatu kenderaan motor yang muatan duduknya empat orang dan tidak lebih daripada sebelas orang (termasuk pemandu) yang digunakan untuk membawa orang dalam mana-mana perjalanan sebagai balasan bagi tambang perseorangan atau tambang berasingan bagi setiap satunya, yang perkiraan, penempahan atau transaksi, dan tambang bagi perjalanan itu dipermudah melalui suatu aplikasi elektronik mudah alih yang disediakan oleh suatu perniagaan pengantaraan.
- 2.5 Pada masa ini, Universiti tiada garis panduan yang membenarkan tuntutan balik perkhidmatan *e-hailing* sebagai pengangkutan awam tambahan selain teksi.
- 2.6 Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bil. 5/2018 yang telah bersidang pada 16 Disember 2018 telah bersetuju dan memperakulkan Cadangan Menerima Pakai Perkhidmatan *E-Hailing* Sebagai Perkhidmatan Awam Di UTHM.

### **3.0 PELAKSANAAN *E-HAILING* SEBAGAI PENGANGKUTAN AWAM**

- 3.1 Staf yang menggunakan perkhidmatan *e-hailing* sebagai pengangkutan awam semasa bertugas rasmi atau menghadiri kursus sama ada di dalam atau di luar Ibu Pejabatnya adalah layak untuk menuntut bayaran balik Tambang Pengangkutan Awam seperti teksi / kereta sewa / motobot / jenis pengangkutan

- lain dalam kategori ini mengikut kadar tambang perseorangan atau tambang berasingan.
- 3.2 Perkhidmatan *e-hailing* adalah syarikat yang menyediakan perkhidmatan aplikasi *e-hailing* dalam pengangkutan awam seperti Uber, Grab, EzCab, EEVOM, Zepp On, Dlffride, PickNGo, Unicablink, Dacsee, Need Taxi, MyCar dan U-car.

- 3.3 Tatacara tuntutan adalah sama seperti tuntutan Tambang Pengangkutan Awam iaitu tambang lazim bagi sesuatu perjalanan untuk 1 tempat duduk dan disokong dengan resit sekiranya resit ada dikeluarkan.


#### 4.0 KUATKUASA PEKELILING

Surat pekeliling ini adalah berkuatkuasa mulai tarikh ianya dikeluarkan.

Kerjasama dari YBhg.Prof/Tuan/Puan adalah diharapkan agar dapat memaklumkan penguatkuasaan surat pekeliling ini kepada staf di bahagian masing-masing.

Sekian, terima kasih.

**“DENGAN HIKMAH KITA MENEROKA”**

Yang benar,  


**AZIZAH BT NASRI**

Bendahari

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

- s.k
- Y.Bhg. Naib Canselor
  - Y.Bhg. Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
  - Y.Bhg. Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
  - Y.Bhg. Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)
  - Ketua Unit Audit Dalam